



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

ARAS 12C, 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27

MENARA DATO' ONN

PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)

NO. 45, JALAN TUN ISMAIL

50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-8000 8000 (1MOCC)

03-4047 6000

Faks : 03-4047 6142

E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my

Laman Web : http://www.ptpk.gov.my

Rujukan Kami : PTPK.PLS.600-1/9 JLD 4 (4)

Tarikh : 31 Januari 2019

"Salam Kemahiran"

**Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMBUKAAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN (PLK) SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) TAHUN 2019 KEPADA PENYEDIA LATIHAN AWAM (PLA) DAN PENYEDIA LATIHAN SWASTA (PLS) DI BAWAH SKIM PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH BAGI DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (DKM) DAN DIPLOMA LANJUTAN KEMAHIRAN MALAYSIA (DLKM)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, permohonan pendaftaran pelatih secara dalam talian (*online*) Skim Pinjaman Lepasan Sekolah dilaksanakan mengikut sesi. Sehubungan dengan itu, permohonan pendaftaran pelatih PLK boleh dibuat secara dalam talian (*online*) melalui Sistem Pengurusan Pinjaman (SPPiv) seperti ketetapan berikut:-

- i. **Sesi 1 – 31 Januari hingga 31 Mac 2019;**
- ii. **Sesi 2 – 1 April hingga 31 Mei 2019;**
- iii. **Sesi 3 – 1 Julai hingga 31 Ogos 2019;**
- iv. **Sesi 4 – 1 Oktober hingga 30 November 2019.**

3. Urusan pendaftaran pelatih adalah tertakluk kepada kriteria seperti berikut:-

- i. Penyedia Latihan (PL) hendaklah menjalankan **program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)** sahaja;
- ii. **Semua personel bebas daripada tunggakan bayaran balik PLK;**
- iii. **Pentaulahan program latihan/kursus latihan dan maklumat personel di badan pentaulahan/pengiktirafan masih sah;**
- iv. **Tiada penetapan bilangan peruntukan bagi setiap kursus/program (permohonan terbuka) berdasarkan kapasiti yang diluluskan oleh JPK;**
- v. **PL bebas tindakan penguatkuasaan JPK dan PTPK; dan**
- vi. **Melaksanakan Pemantauan Kehadiran melalui *thumbprint* dan mematuhi Peraturan Pemantauan Kehadiran.**

4. Untuk memastikan segala urusan permohonan pendaftaran pelatih dibuat dengan teratur, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan adalah diingatkan untuk memastikan semua syarat dan peraturan permohonan dipenuhi:

- i. Maklumat Pegawai Penilai (PP) yang didaftarkan di dalam sistem e-SPKM, JPK **hendaklah sama dengan** maklumat PP yang didaftarkan semasa permohonan pendaftaran PLK pelatih yang dibuat secara dalam talian (*online*) di PTPK;
- ii. **Pelatih telah diluluskan rayuan permohonan pendaftaran pelatih melebihi tempoh 30 hari;**
- iii. **Pelatih telah diluluskan rayuan permohonan penangguhan bayaran balik PLK; dan**
- iv. **Pelatih telah diluluskan rayuan pendapatan keluarga melebihi RM5,000.00.**

5. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan adalah juga diingatkan bahawa urusan **rayuan** permohonan pendaftaran hendaklah dibuat dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh tutup permohonan.** Urusan permohonan rayuan yang dibuat selepas tempoh tersebut tidak akan diproses.

6. Bagi memastikan segala urusan permohonan pendaftaran pelatih djalankan dengan lancar, bersama-sama ini disertakan tatacara permohonan pendaftaran tahun 2019 di bawah Skim Pinjaman Lepasan Sekolah seperti di **Lampiran A.** Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi Puan Suriani Binti Abdullah ditalian (03-4047 6156/ surianiabdullah@ptpk.gov.my) dan En. Jamaluddin Bin Jalan ditalian (03-4047 6178/ jamaluddin@ptpk.gov.my).

Segala kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara”

Saya Yang Menjalankan Amanah


(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

b.p Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

s.k : Ketua Pengarah,
Jabatan Pembangunan Kemahiran,
Bahagian MOSQ, Tingkat 7 & 8,
Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 PUTRAJAYA.